

Contohi gaya hidup, adat budaya orang dulu-dulu

Jika disebut orang dulu-dulu, pastinya kita ingin ketahui cara hidup dan adat budaya mereka yang boleh dijadikan panduan dan teladan kepada masyarakat hari ini.

Mereka ada banyak pengalaman yang membina kehidupan sama ada untuk diri, keluarga mahupun masyarakat sekitar. Pengalaman itu yang menjadikan orang dulu-dulu lebih mengharagai apa yang mereka miliki sekarang.

Orang dulu-dulu, jika ingin mengeluarkan butir bicara, amat berhati-hati demi menjaga kesantunan bahasa di samping sentiasa menjaga batas adab yang terkandung dalam bahasa yang ingin disampaikan supaya tidak menyinggung perasaan. Tetapi, masyarakat hari ini, begitu lantang menghamburkan kata-kata tanpa berfikir terlebih dahulu baik buruknya perkataan yang dilontar serta melihat dahulu persekitaran.

Pola penempatan

Jika dilihat daripada susun atur atau pola penempatan pula, orang dulu-dulu hidup bermasyarakat tidak mengira pangkat dan darjat. Orang miskin, pertengahan dan orang kaya boleh berada dalam satu kampung. Tetapi hari ini, penempatan masyarakat dirancang dan disusun di mana ada kawasan penempatan untuk orang kurang kemampuan seperti rumah kos rendah, penempatan untuk pertengahan seperti

taman perumahan dan penempatan elit untuk orang kaya dan berkemampuan.

Justeru, corak kehidupan dahulu dan sekarang jauh berbeza. Orang dulu-dulu hidup serta mengamalkan konsep sentiasa bersama dan bergotong-royong dalam semua hal, termasuk dalam menjaga keharmonian kampung seperti keselamatan dalam kampung serta hal berkaitan majlis kesyukuran dan keramaian.

Dalam konteks pemakanan, orang dulu-dulu amat mementingkan kesegaran dan khasiat makanan yang dimakan. Mereka bercucuk tanam dan memelihara ternakan sebagai sumber pemakanan dan juga sumber pendapatan.

Hari ini, aktiviti penanaman utama seperti sayur-sayuran dan

“
Masyarakat
sekarang seharusnya
belajar dan
mengambil iktibar
dari pengalaman
orang dulu-dulu.
Pengalaman boleh
diumpamakan
sebagai guru
di mana ia mengajar
kita erti kehidupan
sebenar”

juga buah-buahan tidak lepas daripada penggunaan bahan kimia yang nyata tidak elok untuk kesihatan.

Sumber pemakanan

Tidak kurang juga ada sumber pemakanan terselit unsur tidak halal. Kita maklum bahawa dengan penggunaan bahan kimia ke atas produk makanan hari ini akan mengakibatkan timbulnya pelbagai jenis penyakit. Ini jawapan kepada persoalan mengapa orang dulu-dulu nampak lebih sihat dan mampu mencapai usia panjang jika dibandingkan dengan orang sekarang.

Faktor kecergasan juga adalah disebabkan oleh pemakanan. Orang dulu-dulu selepas mengambil sarapan, kebanyakan terus melakukan kerja berat seperti bekerja di ladang dan mengerjakan sawah. Masyarakat sekarang rata-rata mengamalkan cara hidup saling bergantung dengan alatan dan mesin.

Segala kemudahan tersedia dan tidak perlu bersusah payah melakukan kerja berat kerana masyarakat hari ini lebih gemar bekerja di atas kerusi empuk dengan bilik dilengkapi pendingin hawa. Ditambah pula tabiat gemar memakan makanan segera, menyumbangkan kepada masalah kesihatan yang lain pula seperti obesiti.

Orang dulu-dulu, dalam proses perkahwinan amat mementingkan adat dan adab. Kalau dahulu, menjadi pantang larang apabila

lelaki dan perempuan berkenalan-kenalan serta keluar berjalan berdua-duaan ke sana dan ke mari kerana tidak manis dipandang orang kampung.

Sekarang, berjalan berdua-duaan ke mana saja sudah menjadi satu 'trend', termasuk yang bukan muhrim. Budaya dalam masyarakat tidak lagi dianggap pantang larang.

Mungkin ini terjadi kerana dahulu kebanyakan anak gadis tinggal di kampung dan duduk dengan orang tua dan sekarang apabila zaman sudah berubah, ramai anak muda berhijrah ke bandar untuk mencari kehidupan lebih baik.

Kehidupan tanpa kawalan orang tua inilah yang menjadikan mereka bebas keluar ke mana saja tanpa ada sesiapa menghalang. Dahulu, jika ada lelaki yang masuk meminum, maka saudara mara, orang penting dan terdekat akan diajak berunding bersama tetapi hari ini suasana seperti itu hampir tidak wujud lagi kerana persetujuan bersama disepakati oleh mereka berdua saja.

Malah orang tua menurut saja kehendak dan kemahuan anak. Apabila sudah melangsungkan perkahwinan, dalam masa terdekat, orang dulu-dulu akan menziarahi keluarga kedua-dua pihak dalam proses kenal mengenal keluarga.

Mereka turut menziarahi orang yang dihormati seperti tuan guru, guru mengaji dan juga ketua kampung. Tetapi suasana ini hampir

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

tidak lagi berlaku akibat perubahan zaman dan 'trend'.

Masyarakat sekarang seharusnya belajar dan mengambil iktibar daripada pengalaman orang dulu-dulu. Pengalaman boleh diumpamakan sebagai guru di mana ia mengajar kita erti kehidupan sebenar.

Jangan kita anggap pengalaman orang dulu-dulu tidak penting dan tidak memberi erti kepada masyarakat sekarang kerana dengan pengalaman mereka masyarakat hari ini boleh menjadikannya panduan, rujukan dan iktibar dalam kehidupan seharian dan juga saat mendatang.

Ismar Hanif Jumain,
Fakulti Bahasa Moden & Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia